

U200

U B249 AAB
MAHATHIR - PERANGINAN

GENTING HIGHLANDS, 11 OGOS (BERNAMA) -- KERAJAAN SEDANG MENKKAJI KEMUNGKINAN MEMBINA JALAN RAYA YANG MENGHUBUNGAN BEBERAPA KAWASAN PERGUNUNGAN TERMASUK PUSAT-PUSAT PERANGINAN YANG ADA DI NEGARA INI, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

PEMBINAAN ITU AKAN DIJALANKAN SECARA PENSWASTAAN JIKA DIDAPATI KAWASAN-KAWASAN ITU BERPOTENSI DIMAJUKAN SEBAGAI PUSAT PERANGINAN, KATANYA PADA MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-25 KUMPULAN GENTING, DI GENTING HOTEL DI SINI MALAM INI.

BELIAU BERKATA, CADANGAN PEMBINAAN JALAN RAYA ITU MASIH DI PERINGKAT KAJIAN DAN AKAN DILAKSANAKAN JIKA DIDAPATI EKONOMIKAL DAN WAJAR.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PROJEK ITU PERLU DIJALANKAN SECARA PENSWASTAAN KERANA KERAJAAN MEMERLUKAN WANG YANG BANYAK UNTUK MEMAJUKAN PELBAGAI PROJEK LAIN, TERUTAMA DI KAWASAN-KAWASAN LUAR BANDAR, DAN UNTUK PEMBINAAN INFRASTRUKTUR YANG LEBIH PENTING.

PENSAWATAAN PROJEK SEPERTI JALAN RAYA DI PERGUNUNGAN ITU JUGA AKAN MENINGKATKAN PERANAN PIHAK SWASTA DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA, DAN INSENTIF KHAS AKAN DIBERI KEPADA PIHAK SWASTA YANG MEMBINA JALAN RAYA BERKENAAN SUPAYA IA BERDAYA MAJU, TAMBAH BELIAU.

-- LAGI

2210MST 11 08 90

U B250 AAB
MAHATHIR - PERANGINAN 2 GENTING HIGHLANDS

BELIAU BERKATA, PUSAT-PUSAT PERANGINAN YANG DINGIN DI BANJARAN GUNUNG SEPERTI GENTING HIGHLANDS SEMAKIN POPULAR KEPADA PARA PELANCONG DARI LUAR NEGERI DAN PENDUDUK TEMPATAN.

OLEH ITU, KERAJAAN BERPENDAPAT DENGAN ADANYA KEMUDAHAN JALAN RAYA YANG MENGHUBUNGAN PUSAT-PUSAT PERANGINAN SEPERTI ITU, IA AKAN MENJADIKAN KAWASAN-KAWASAN TERSEBUT LEBIH MAJU DAN SEMAKIN TERKENAL.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, DI SAMPING MEMAJUKAN PUSAT-PUSAT PERANGINAN SEDEMIKIAN, KERAJAAN JUGA MAHU TANAH-TANAH DI KAWASAN PERGUNUNGAN DIMAJUKAN DENGAN PELBAGAI JENIS TANAMAN YANG MEMULIHARA ALAM SEKITAR.

PADA MAJLIS ITU, Pengerusi Kumpulan Genting, Tan Sri Lim Goh Tong menyampaikan sumbangan berjumlah \$320,000 kepada Sembilan buah Pertubuhan kebajikan sempena ulang tahun kumpulan itu.

PENERIMA YANG TERBESAR IALAH BADAN AMAL DAN KEBAJIKAN ISTER-ISTERI MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI (BAKTI) SEBANYAK \$200,000 YANG DISAMPAIKAN OLEH TAN SRI LIM KEPADA YANG DIPERTUANYA, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHD ALI.

TURUT MENERIMA SUMBANGAN ITU IALAH RUMAH ORANG TUA DAN ORANG CACAT, YANG MASING-MASING MENERIMA ANTARA \$10,000 DAN \$50,000. --

BERNAMA
2216MST 11 08 90